



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** dan **keutamaan kepada rakyat DYMM Seri Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut :-

Jawatan	:	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran dan sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Taraf Jawatan	:	Tetap
Bilangan Kekosongan	:	1
Jadual Gaji	:	Gred N19
	Min	: RM 1,352.00
	Max	: RM 4,003.00
	Kadar Kenaikan Tahunan	: RM 100.00

Elaun

Imbuan Tetap Khidmat Awam	:	RM 115.00
Imbuan Tetap Perumahan	:	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup	:	RM 200.00

1. **SYARAT LANTIKAN :-**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
dan
- (c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Siji Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM 1,352.00) atau
Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred N19: RM 1,408.40) atau Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan pada Gred N19: RM 1,464.80)

2. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

3. **DESKRIPSI TUGAS**

Melaksanakan tugas-tugas berkaitan pengurusan kewangan dan perakaunan

4. **CARA MEMOHON :**

- i. Permohonan jawatan yang ditawarkan hendaklah dipohon melalui sistem permohonan jawatan kosong di digital.perak.my/perjawatan/
- ii. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing berdasarkan Perintah Am Bab 'A' 21.

Tarikh tutup permohonan : **29 Oktober 2021 (Jumaat)**

CATATAN AM :-

- a) Hanya permohonan yang ditapis senarai sahaja akan dipanggil temuduga
- b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya
- c) Segala perbelanjaan dan tuntutan bersabit dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh pihak Majlis Daerah Pengkalan Hulu.

